

Rabu, Feb 07 2018

Portfolio Khazanah berdaya tahan

Oleh **NABILA YASMIN RAZIB**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Pengukuhan mata wang serta pasaran saham mampu menjadikan portfolio pelaburan Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) lebih berdaya tahan.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar berkata, biarpun masih terlalu awal untuk menjangkakan reaksi pasaran pada tahun ini, pihaknya yakin masih ada ruang bagi pertumbuhan portfolio Khazanah.

"Biarpun pasaran saham hari ini sedikit merosot namun Khazanah merekodkan Portfolio Nilai Bersih Dilaraskan (NWA) pada kedudukan tertinggi dalam sejarah.

"Tetapi sudah tentu terdapat turun naik dalam pasaran namun pada dasarnya kami telah mengumumkan tahun lepas portfolio kami

berdaya tahan," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Simposium Pasaran Modal Dunia 2018 (WCMS 2018) di sini hari ini.

Khazanah mencatatkan lonjakan 84.7 peratus dalam keuntungan sebelum cukai yang

belum diaudit ke-
pada RM2.89

bilion pada
31 Disem-

ber 2017,

berbanding

RM1.57 bil-

ion pada

tahun sebe-

lumnnya.

Syarikat

pelaburan strategik negara itu merekodkan NWA sebanyak RM115.6 bilion pada tahun lalu berbanding RM102.1 bilion tahun sebelumnya meningkat sebanyak RM13.4 bilion atau 13.2 peratus.

Azman berkata untuk tahun 2018, Khazanah akan terus memberi tumpuan kepada Transformasi 2.0 antaranya inisiatif peningkatan prestasi dan penciptaan nilai termasuk pelaksanaan TIDE (Trend, Inovasi, Gangguan, Keusahawanan) untuk meningkatkan daya tahan syarikat pelaburannya.

Ujarnya, Khazanah juga akan memberi fokus terhadap langkah memacu landskap perniagaan mampan dan bertanggungjawab, serta pembangunan kapasiti bakat kebangsaan.

"Secara keseluruhannya, Khazanah akan terus kekal pada landasan sedia ada dengan fokus terhadap penghasilan prestasi kewangan dan strategik jangka panjang di tengah-tengah tinjauan pelaburan yang berhati-hati," katanya.

**WIRA AZMAN
MOKHTAR**

